



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

5 Jun 2015 / 18 Syaaban 1436

**Muhasabah Amalan Di Bulan Syaaban**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْمَلِكِ الْحَقِّ الْمُبِينِ الَّذِي أَبَانَ لِعِبَادِهِ مِنْ آيَاتِهِ مَا  
بِهِ عِبْرَةٌ لِلْمُعْتَبِرِينَ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ  
لَهُ إِلَهَ الْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ  
وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا . أَمَّا بَعْدُ فَيَا  
عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Pada saat yang penuh keberkatan ini marilah kita panjatkan doa memohon agar ditingkatkan ketakwaan dan keimanan kita kepada Allah. Bermohonlah agar Allah mengurniakan kita kekuatan dan keikhlasan untuk melaksanakan segala perintahNya dan tidak melanggar laranganNya. Mudah-mudahan dengan demikian kita akan diberkatiNya dengan kurnia pahalaNya di hulan Syaaban ini. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Saudara,

Kita kini sudahpun masuk ke minggu ketiga bulan Syaaban. bulan yang disifatkan Nabi s.a.w. sebagai bulan yang manusia mudah lalai pada kelebihannya. Di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam An-Nasa'i, Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Bulan Syaaban adalah bulan di mana manusia lalai terhadapnya. iaitu bulan antara Rajab dan Ramadan. Bulan tersebut adalah bulan padanya diangkat segala amalan hamba kepada Tuhan semesta alam. Oleh itu, aku amat suka untuk berpuasa ketika amalanku dinaikkan”*.

Hadith ini mengingatkan kita bahawa bulan Syaaban seolah-olah menjadi bulan untuk kita semakin giat menyediakan jiwa, kerohanian dan bahkan fizikal kita untuk melangkah masuk ke dalam bulan Ramadan. Saudara, bulan Ramadan merupakan bulan di mana pahala, rahmah dan kebaikan dicurahkan Allah tanpa ada sempadan. Maka lebih lagi perlu untuk kita ini menyediakan diri kita agar layak menjadi ahli yang dikurniakan kemuliaan. Jiwa kita ini ibarat bejana yang perlu disucikan dan dimurnikan daripada dosa agar ia kemudian layak menjadi tempat dicurahkan rahmah dan kemuliaan Allah ke dalamnya. Bagaimana kita boleh mengharapkan keredhaan Allah singgah menyentuh kita sedangkan diri kita masih lagi bergelumang dengan dosa, hati kita masih lagi dipenuhi kebencian, kesombongan, keangkuhan dan penyakit hati yang lain. Bagaimana kita boleh mengharapkan Allah menjadikan kita orang yang dibebaskan daripada neraka pada Ramadan nanti

jika kita ini masih lagi melakukan perkara yang menyebabkan kita boleh tersungkur di pintu syurga?

Maka oleh itu, saya ingin berpesan kepada diri saya dan setiap kita yang berada di sini pada saat ini agar kita kembali kepada Allah. Mulakan saudara hari-hari terakhir ini untuk memperbaiki jiwa kita yang sememangnya jika tidak dipupuk akan hanya membiarkan nafsu ammarah menguasainya. Ini sesuai dengan firman Allah di dalam surah Yusuf ayat 53:

﴿ وَمَا أُبْرِئُ نَفْسِي ۚ إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي ۚ إِنَّ رَبِّي غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴾

Maksudnya: *“Dan Aku tidak membebaskan diriku (dari kesalahan), kerana sesungguhnya nafsu itu selalu menyuruh kepada kejahatan, kecuali nafsu yang diberi rahmat oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”*

Saudara, semestinya menundukkan hawa nafsu merupakan suatu proses berterusan. Manusia tidak mampu lalai dan membiarkan nafsunya menguasai dirinya. Maka di dalam memastikan nafsu kita ini terpandu selalu, pastikanlah kita tidak lalai daripada berzikir mengingati Allah s.w.t. Ketika nafsu mula membisikkan kemahuan bermaksiat itulah merakan saat getir untuk kita terus dengan segera mengingati Allah. Pada waktu

yang sama juga, perbanyakkanlah memohon daripada Allah s.w.t. agar melindungi diri kita daripada kerosakkan diri kita sendiri. Nabi s.a.w. pernah mengajarkan doa:

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ ، أَصْلِحْ لِيْ شَأْنِيْ كُلَّهُ ، وَلَا تَكِلْنِيْ إِلَى نَفْسِيْ طَرْفَةَ عَيْنٍ

Maksudnya: *“Wahai Tuhan yang Maha Hidup dan Maha berdiri dengan sendirinya, dengan rahmatMu aku memohon bantuan, perbaikilah segala urusanku dan jangan Kau tinggalkan aku untuk diriku walau sekelip mata.”* [Hadith riwayat Imam An-Nasa’i dan Al-Baihaqi]

Saudara, di dalam menyediakan jiwa kita untuk Ramadan, pastikan juga diri kita disibukkan dengan amalan kebaikan dan jangan biarkan ia duduk diam tanpa mengerjakan amal kebaikan. Ini kerana ketika jiwa kita dibiarkan tanpa amalan sesuatu maka syaitanlah yang akan mengilhamkan kejahatan dan maksiat kepadanya. Jika susah untuk keluar mencari peluang amal di luar rumah, mulakan di rumah. Bantulah ibu mahupun isteri kita meringankan kerja rumah mereka. Para bapa juga boleh duduk bersama anak-anak mengambil masa mengulang bacaan Al-Quran bersama, atau berkongsi dengan mereka tentang kisah para Anbiya dan Rasul. Atau, kita juga boleh menghadiri pelbagai kelas agama anjuran masjid setempat untuk membantu memperkayakan ilmu dan mendalami pemahaman kita tentang ibadah puasa dan ibadah-ibadah lain menjelang Ramadan ini. Ini semua adalah

ibadah dan ia membiasakan jiwa ini untuk menambahkan amalan kita sehingga apabila tiba Ramadan maka diri kita mempunyai stamina kerohanian dan fizikal untuk memperbanyakkan amalan.

Selain daripada itu saudara, di dalam menyediakan diri untuk Ramadan, kita juga perlu meningkatkan kesedaran diri dan jiwa kita akan musuh dan seteru ketat kita yang tidak kelihatan. Musuh yang saya maksudkan ini adalah syaitan dan iblis. Terlalu sering kita mencari musuh yang nampak, kita membincangkan teori-teori konspirasi tentang musuh Islam. Tetapi terlalu sering kita lalai akan halusnyanya tipu daya syaitan. Ia berusaha keras, mengambil peluang kelemahan nafsu manusia untuk membuat manusia lupa akan Allah dan akhirnya tidak dapat meraih kelebihan dan kurniaan rahmah Ilahi. Lebih-lebih lagi dalam kita giat mempertingkatkan persediaan, syaitan juga akan semakin giat memastikan samada kita ini tidak akan melakukan kebaikan atau melakukan kebaikan tetapi ia menjadi sia-sia. Ingatlah saudara jika syaitan tidak dapat menghalang kita daripada beribadah, dia akan menipu kita dengan ibadah. Bagaimana ia boleh berlaku? Syaitan akan membisikkan dalam diri kita perasaan berbangga diri, riya dan ingin menunjukkan amalan kita kepada orang lain. Berhati-hatilah daripada dikuasai perasaan sombong kerana kita ini lebih beragama. Lebih-lebih lagi hari ini di mana semua orang lebih mudah mempamerkan kepada orang lain di wadah sosial kebaikan yang mereka lakukan. Ingatlah selalu pesanan Nabi s.a.w. yang

diriwayatkan Imam Muslim: *“Tidak akan masuk syurga orang yang wujud di dalam hatinya itu kesombongan meskipun sebesar dzarrah.”*

Oleh itu sebagai persiapan untuk menghadapi Ramadan maka latihlah diri kita agar kekal ikhlas. Samada di hadapan manusia mahupun dalam sembunyi kita tetap orang yang gigih beribadah dan lebih gigih memelihara diri daripada tipu daya syaitan dan nafsu kita. Ingatkan diri kita selalu akan Allah dan bahawa setiap amalan kita itu untuk Allah. Nabi s.a.w. pernah berpesan *“Barangsiapa membaca:*

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ ؛ وَهُوَ  
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

*dalam sehari seratus kali maka pahalanya seolah-olah dia memerdekakan 10 hamba dan ditulis baginya seratus kebaikan dan dihapus seratus keburukan dan dijaga dari syaitan dalam sehari semalam. Dan tidak ada seseorang yang lebih baik darinya kecuali seseorang yang lebih banyak membaca kalimat ini darinya”. [Hadith riwayat Imam Muslim]*

Semoga Allah membantu kita dalam meraih kebaikan bulan Syaaban dan memberkati kita dengan peluang bertemu Ramadan nanti. Semoga Allah menjadikan kita dan keluarga di kalangan mereka yang berhak menerima kelebihan Syaaban dan Ramadan. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.